

Kes SRC: Mahkamah Tinggi tentukan nasib Najib hari ini

# Bersalah atau tidak?

Um - 28/7/2020 ml: 1

Oleh SUWARNI MOKHTAR  
utusannews@mediamajlis.com.my

**KUALA LUMPUR:** Nasib bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang menghadapi pertuduhan dalam kes SRC International bakal diketahui hari ini.

Andai mahkamah membuat keputusan memihak beliau, ia merupakan langkah pertama Najib untuk membersihkan namanya yang selama ini dikaitkan dengan pelbagai isu.

Jika sebaliknya, Ahli Parlimen Pekan itu masih berpeluang membuat rayuan di mahkamah lebih tinggi.

Ini kali pertama dalam sejarah negara, bekas Perdana Menteri didakwa di mahkamah atas pertuduhan jenayah.

Najib didakwa atas tiga tuduhan melakukan pecah amanah terhadap wang berjumlah RM42 juta milik SRC International antara Disember 2014 dan Mac 2015 di AmIslamic Bank Berhad, Bangunan Ambank Group, No 55, Jalan Raja Chulan di sini.

Beliau juga menghadapi tuduhan salah guna kuasa mendapatkan suapan berjumlah RM42 juta apabila terlibat dalam keputusan bagi pihak kerajaan Malaysia untuk memberikan jaminan kerajaan terhadap pinjaman berjumlah RM4 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) kepada SRC International.

Beliau juga didakwa atas tiga pertuduhan melakukan penguahan wang haram dengan menerima RM42 juta hasil aktiviti haram melalui sistem yang dipindahkan mengikut Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (RENTAS) dan didepositkan ke dalam akaun peribadi miliknya di AmIslamic Bank Berhad.

Sabit kesalahan bekas Perdana Menteri itu boleh dihukum penjara antara dua tahun hingga 20 tahun dan juga didenda jutaan ringgit.



**NAJIB Tun Razak memeriksa telefon bimbitnya sebaik sahaja meninggalkan kamar percabangan kes pindaan laporan audit 1MDB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur semalam. Hari ini bekas Perdana Menteri itu akan mengetahui nasibnya apabila mahkamah membuat keputusan berhubung kes SRC. - AFP**